

21/09/1998

Malaysia Boleh, Sapok juga boleh

mi Samad; Saufi Hamzah; Hussain Said; Wan Jailani Razak; Mohd Ali Majid DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan permintaan Sapok Biki untuk menyaksikannya bertarung dalam final kategori 48kg semalam dan sebagai membalas penghormatan, peninju itu menyumbangkan pingat emas pertama negara dalam sejarah tinju Sukan Komanwel.

Sapok, yang selepas kemenangannya dalam separuh akhir Jumaat lalu, mahukan Perdana Menteri hadir di Stadium Malawati bagi menyaksikan pertarungan kemuncak, bagaimanapun menerima lebih daripada apa yang dipintanya - Dr Mahathir sendiri mengalungkan pingat emas ke lehernya di samping memberikan pelukan tahniah.

Terdahulu, sebaik diisytiharkan pemenang, Sapok mengulangi aksi dalam separuh akhir dengan membawa potret Dr Mahathir ke sekeliling gelanggang bagi menunjukkan rasa terima kasihnya di atas kehadiran Perdana Menteri.

Anak kelahiran Iban itu melakar sejarah untuk menjadi peninju pertama menang emas apabila menundukkan pencabar dari Kenya, Moses Kinyua, 19-13.

Pingat emas Sapok itu - yang ketujuh untuk negara - hadir tepat pada waktunya kerana menepati sasaran Majlis Sukan Negara (MSN) bagi Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI.

Lebih membanggakan, kebuntuan 68 tahun menanti emas akhirnya dipecahkan sejak acara tinju diperkenalkan dalam Sukan Empayar British di Auckland pada 1930.

Malah, Sapok turut mengukir nama sebagai peninju kelapan menjuarai kategori paling ringan itu sejak kelas 48kg itu diperkenalkan pada 1970.

Biarpun lawan turun dengan sedikit kelebihan berdasarkan pencapaiannya sepanjang kejohanan ini, Sapok nyata tidak menghiraukannya dan sebaliknya menampilkan corak pertarungan sempurna yang disulami pertahanan jitu.

Malah, sokongan padu 10,000 penonton - jumlah terbesar menyaksikan perlawanan tinju - turut membakar semangat juangnya di samping menjadikan suasana di Stadium Malawati menepati perlawanan akhir.

"Saya amat gembira. Tinju akhirnya membutirkan emas untuk negara. Tapi, saya percaya bukan saya seorang yang berupaya menghasilkan pingat emas, kerana ramai peninju negara sebenarnya turut mampu," katanya yang menunjukan pingat itu kepada keluarganya.

Ibu bapa Sapok, Biki Kinyau dan Limah Jamba, turut hadir di stadium bersama ibu dan bapa saudaranya, Bawiang dan Jatok. Ibu bapanya tiba pagi semalam dengan ihsan Penerbangan Malaysia (MAS).

Mengenai perlawanannya, Sapok yang nyata masih sebak dengan kemenangannya, berkata dia terpaksa menjauhkan diri dengan menyerang hanya apabila dihidangkan peluang kerana lawannya memiliki kepantasan tumbukan.

"Begitupun, saya percaya akan menang selepas pusingan pertama tamat apabila dapat membaca rentak permainannya. Selepas itu, saya hanya menunggunya untuk melepaskan tumbukan sebelum saya masuk membalas," katanya.

Adnan Yusoh yang bertarung dalam kategori 54kg turut menerima gangsa semalam selepas kecundang dalam separuh akhir.